



**TEKS UCAPAN  
YAB DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM  
PERDANA MENTERI**

**SEMPENA**

**SESI PERJUMPAAN PERDANA MENTERI BERSAMA  
PENGURUSAN DAN WARGA JABATAN AUDIT NEGARA**

**1 SEPTEMBER 2023**

**BLOK F2, KOMPLEKS F, PUTRAJAYA**

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.

Alhamdulillah, Nahmaduhu Wa Nusolli A'la Rasoolihil Kareem.

**YBhg. Datuk Wan Suraya Wan Mohd Radzi,**

Ketua Pengarah;

**YBhg Datuk Johan Mahmood Merican,**

Ketua Setiausaha Perbendaharaan;

**YBhg. Datuk Seri Sollehuddin Alyubi Zakaria,**

Timbalan Ketua Setiausaha Kanan, Jabatan Perdana Menteri;

dan

Semua rakan-rakan yang saya muliakan.

1. Saya dimaklumkan inilah kali pertama Perdana Menteri hadir beramah dengan keluarga Jabatan Audit Negara. Itulah kadang-kadang penting ada Ketua Pengarah wanita, dia ada cara untuk asak, gesa dan desak sehingga saya tiada pilihan (dalam nada bergurau).
2. Kalau saudara lihat umpamanya penekanan dari segi Kerangka Malaysia MADANI dan juga fikrah saya selama ini,

tidak lain dan tidak bukan adalah untuk membetulkan pengurusan dan tata kelola. Kalau saudara lihat, ada yang menyokong, ada yang tidak bersetuju dan marah. Tak ada lain ke? tata kelola, pengurusan, rasuah. Bagi saya amanah yang Allah beri kepada kita ini mesti bermula dari kita. Jadi bagaimana kita tentukan? Melalui apa yang disebut pengauditan, dan terkait dengan isu pertanggungjawaban dan akauntabiliti.

3. Kalau dalam tradisi Islam, asasnya itu disebut institusi hisbah, *public accountability*. Istilah sekarang, 'ombudsman' ataupun peranan audit itu disebut *muhtasib*. Bukan saja audit dari segi kewangan tetapi audit dari segi pematuhan kepada peraturan, prinsip-prinsip tertentu bagi mengelak daripada kecurangan sama ada berbentuk rasuah atau ketirisan atau kecuaiian.
4. Jadi, kita generasi sekarang ini patut pikul amanah ini, sementara Jabatan Audit Negara dianggap pemegang amanah khusus. Sebab itu keputusan kita dalam Kerajaan Perpaduan ini kita akan bentangkan Laporan Audit dan dibahaskan oleh Ahli Parlimen. Walaupun tahun lalu tidak berlaku begitu. Tetapi tahun ini insya-Allah bila dibentangkan, saya akan pastikan ia dibahaskan. Kalau ada kelemahan, kita baiki. Kalau ada apa-apa pelanggaran, kita

betulkan. Kalau ada penyalahgunaan kuasa, kita pastikan tindakan akan diambil.

5. Pengalaman saya dahulu selaku Menteri Kewangan, saya memulakan sesuatu tradisi di Kementerian Kewangan yang mana KSP belum tahu, iaitu Laporan Audit Negara ini, saya anggap sebagai satu dokumen yang penting, dan Kementerian Kewangan mesti mengetuai suatu tugas untuk meneliti semua laporan dan pastikan semua Jabatan patuh. Kalau tidak, laporan sampai, tahun depan diulang lagi masalah yang sama. Kalau kita ambil serius tindakan ini, malah mulai sekarang, setiap teguran itu tidak semestinya mutlak bukan satu hukuman. Kalau dia ada jawapan, dia jawablah ya. Tetapi kalau setakat yang dikaji, diteliti, ditelusuri oleh Jabatan Audit ini, ternyata ada beberapa kelemahan yang jelas.
6. Ini harus dibetulkan. Sebab itu, **mulai tahun ini, sebaik laporan dibentangkan oleh Datuk Wan Suraya, pastikan pertama Jemaah Menteri dan semua Menteri dengan KSU dan Ketua Pengarah masing-masing diwajibkan untuk meneliti semua laporan ini, dan memberi jawapan yang memuaskan atau tindakan yang memuaskan.** Tidak memadai orang itu curang dalam beberapa hal dan kita

hanya beri teguran sahaja kerana kebetulan dia sahabat kepada Ketua Pengarah.

7. Saya akan pastikan kaedah yang akan diperkenalkan dan Ketua Pengarah akan dimaklum mengenai perkara ini. Saya tidak mahu tugas saudara hanya hantar laporan, '*halas*' selesai. Kali ini laporan dikeluarkan, ada perbahasan di Parlimen, dan kita akan lihat semua teguran-teguran itu. Tentunya ada teguran yang munasabah, ada teguran politik, ada teguran yang nak balas dendam, ada teguran nak lepas geram di Parlimen tak apa. Tentunya saudara boleh teliti, kalau teguran itu tidak munasabah, kita jawab dengan tegas. Kalau teguran itu betul, walaupun dia terkena kepada Kerajaan Perpaduan sekarang, menuntut kita mengambil tindakan yang wajar.
8. Justeru, kehadiran saya hari ini adalah untuk **memutuskan bahawa amat perlu untuk meningkatkan peranan dan bidang tugas Jabatan Audit Negara**. Ini bukan sahaja pemahaman tentang pengauditan dalam konteks sekarang, tetapi meliputi kerangka yang disebut tugas *ombudsman* tadi atau 'hisbah'. Maknanya apa yang dilakukan sekarang, diperkukuh dan mungkin kita perlu perkenalkan beberapa kaedah baharu, untuk memperkuatkan. Datuk Solehuddin akan ingatkan saya supaya diperkenalkan dan kita akan

bawa kepada Jemaah Menteri. Jadi, tak perlu lagi nak ada *ombudsman*, institusi hisbah, kita rangkul semua ini sebagai tugas saudara-saudari.

9. Kalau salah, masih ada masalah, kita tahu puncanya di mana, tidak lain dan tidak bukan adalah di Jabatan Audit Negara (dalam nada bergurau). Saya tidak akan tahu apa yang berlaku di Jabatan-Jabatan tertentu, di negeri-negeri tertentu, daerah-daerah tertentu. Itu tugas yang saya amanahkan kepada saudara saudari.
  
10. Kita kena bantu selamatkan negara kita. Kalau orang tanya apa cita-cita saya? Saya bercita-cita hendak jadi contoh buat pimpinan Malaysia ini, apatah lagi kalau orang Melayu, orang Islam mengetuai Kerajaan, dia boleh bagi contoh tata kelola yang baik dan bersih. Ayat Al-Quran ada menyebut tentang umat contoh, *Wakadzaalika ja'alnaakum ummatan wasathan litakuunan syuhadaa a'ala alinnaasi wayakuunaalrrasuulu 'alaykum syahiidan*. Ayat tersebut juga menyebut tentang umat yang seimbang bukan seimbang *mediocrity* atau sederhana, tetapi seimbang sebagaimana *itqan fil amal*, iaitu ke arah kecemerlangan (*striving for excellence*). Ia turut disebut dalam rumusan hadis Nabi Muhammad SAW bahawa Islam ni tidak *mediocre*, tetapi menuju kepada suatu tingkat yang lebih

baik. Jadi kita perlu mulakan dengan Jabatan Audit agar menjadi contoh *syuhadaa a'alaalInnaasi* kepada yang lain.

11. Kita akan teliti laporan tahun ini, dan saya berikan tanggungjawab yang lebih besar supaya orang melihat laporan ini sesuatu yang serius dan akan diteliti oleh SPRM, LHDN, Kementerian Kewangan serta semua jabatan penguatkuasaan. Seandainya jabatan atau kementerian tidak ambil tindakan susulan secara serius, teguran akan diberikan oleh Jabatan Ketua Audit Negara.

Saudara dan saudari,

12. Saya tidak mungkin bagi tugas tambahan ini jika saya tidak ada kepercayaan dan keyakinan terhadap saudara saudari boleh menjalankan tugas dengan baik dan mampu meningkatkan keupayaan Audit Negara.
13. Saya memang ikuti Laporan Ketua Audit Negara, semasa saya Menteri dan semasa saya Ketua Pembangkang, setiap kali Laporan Ketua Audit Negara memang berpeluhlah Menteri-Menteri kerana saya akan korek dan teliti setiap halaman yang mungkin untuk memberi teguran yang keras.

14. Jadi, saya ucap penghargaan dan terima kasih kepada saudara-saudari kerana menjalankan tugas dengan baik dan memuaskan. Mudah-mudahan kita dapat jadikan Jabatan Audit Negara ini sebagai satu agensi yang penting dalam negara kita untuk memenuhi matlamat kita mengangkat martabat umat, rakyat dan negara menerusi konsep MADANI. Kita tidak boleh teruskan dengan kecelaruan dan yang amat saya kesalkan ialah kadang-kadang berpuluh tahun teguran itu, tetapi hampir sama diulang, diulang dan terus diulang.
  
15. Justeru, kita harus segera tamatkan, noktah. Tentu bukan tugas kita untuk mencari yang hanya kesalahan, orang buat baik banyak, kalau teguran itu kesilapan teknikal kita tegur dia boleh baiki, tetapi jika kesilapan itu kesilapan yang disengajakan dan masuk kategori salah guna kuasa ataupun kecuaiian apa lagi penipuan, tentunya tindakan harus diambil.
  
16. Pada hari ini selain daripada penghargaan, saya beri kepercayaan yang tinggi kepada Ketua Pengarah dan saudara-saudari untuk menjalankan tugas-tugas yang lebih baik dan saya harapkan mulai tahun ini kita pastikan, dan tingkatkan peranan saudara-saudara supaya teguran dan Laporan Ketua Audit Negara itu tidak dipandang ringan oleh



mana-mana Ketua Pengarah, KSU atau Menteri. Ia mesti dilihat secara serius dan mesti dijawab tanpa terkecuali termasuk Jabatan Perdana Menteri.

Sekian, terima kasih.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.